



# Pengaruh Pusat Kerjasama Industri Prof. Madya Mohd. Shuid Salleh

**Assalamualaikum wbt. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama MyKUKUM. Bolehkah ceritakan sejarah penubuhan CENTER FOR INDUSTRIAL COLLABORATION (CIC) ini dan apakah matlamat utama penubuhannya dan fungsinya kepada KUKUM?**

**PM Shuid:** Waalaikumussalam w.b.t. Satu cadangan bagi penubuhan Center For Industrial Collaboration (CIC) telah dibuat pada Januari 2003. Namun demikian, secara rasminya CIC telah ditubuhkan pada Februari 2004. Penubuhan pusat ini adalah bagi menjalankan program dan juga segala aktiviti yang berorientasikan dunia pengeluaran dan aplikasi kejuruteraan sebenar. CIC juga melambangkan penawaran program dan aktiviti akademik yang berteraskan penyertaan dan komitmen daripada pihak industri. Semua program dan aktiviti di Pusat ini menjadi sebahagian kursus dan aktiviti teras kejuruteraan yang mampu mempertingkatkan

daya saing di dalam bidang reka bentuk, pemrosesan dan pengeluaran pelbagai produk yang berteraskan kejuruteraan. Matlamat utama penubuhan pusat ini juga adalah untuk memperkenalkan KUKUM kepada Industri dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan pihak industri dengan menyokong pelaksanaan konsep 'intensif praktikal' yang diamalkan di KUKUM ini. CIC memainkan peranan penting dalam menawarkan pelbagai kursus Latihan yang melibatkan industri seperti IndEx, IndEnt, InTra dan ceramah industri kepada semua pelajar dan sebagai tambahan pelajar-pelajar tahun akhir boleh turut serta dalam menyempurnakan Projek Reka Bentuk tahun Akhir dengan penglibatan pakar industri.

Semua program yang dirancang adalah untuk melahirkan jurutera profesional yang terdidik, terlatih dan berpengalaman dalam bidang kejuruteraan dan pengurusan serta berkemampuan memenuhi kehendak industri. Ini kerana melalui kursus dan latihan yang dikendalikan oleh CIC ini merangkumi kemahiran dalam aktiviti sebenar kejuruteraan, pengetahuan keorganisasian, perhubungan 'interpersonel' dan pengurusan berkenaan bidang kejuruteraan secara praktikal.

CIC juga mengambil bahagian dalam memupuk hubungan mesra dengan pihak industri dan merangka peluang-peluang kerjasama bagi melatih dan memberi pendedahan industri kepada pelajar-pelajar agar tampil sebagai jurutera profesional yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan luar dalam bidang industri. Hubungan mesra ini juga perlu bagi mempertingkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran di KUKUM melalui aktiviti seperti perundingan, khidmat teknikal, latihan dan penyelidikan. Pendedahan ini seterusnya akan dipanjangkan juga kepada kakitangan akademik mengikut kesesuaian dan keperluan menerusi program latihan kakitangan (Staff Intership). CIC juga berperanan dalam menguruskan penempatan pelajar-pelajar KUKUM bagi menjalani pendedahan Industri dan Latihan Industri sama ada di sektor swasta mahu pun

kerajaan. Malahan lebih jauh daripada itu CIC juga bertindak sebagai pemangkin dalam pembangunan industri di kawasan-kawasan perindustrian di utara melalui penyelarasan program-program pemindahan teknologi, pertukaran staf, latihan dan bimbingan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan kejuruteraan. Kerjasama industri ini juga secara tidak langsung dapat mempromosi dan meningkatkan imej dan reputasi KUKUM di mata pihak industri. Ini sekali gus membantu KUKUM meletakkan namanya dalam senarai IPTA yang dikagumi oleh pihak industri khususnya dan masyarakat amnya.

**Seperti yang diketahui CIC banyak melibatkan kerjasama luar dengan pihak industri. Jadi apakah segala aktiviti yang dianjurkan oleh CIC ini kepada pelajar-pelajar dilihat dapat memenuhi kehendak pasaran kerja semasa dan seterusnya apakah dapat membantu dalam proses pemantapan prestasi akademik pelajar-pelajar?**

**PM Shuid:** Sebagai pengantara KUKUM dengan pihak industri, CIC banyak menjalankan kerjasama dengan pihak industri. Semua aktiviti yang dijalankan seperti IndEx, IndEnt, Intellect, InTra dirangka adalah dengan objektif utama untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, membuka minda, membina keyakinan diri pelajar-pelajar untuk berjaya dalam bidang yang diceburi serta membantu meningkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan dalam bidang industri di samping memberi pendedahan keusahawanan kejuruteraan kepada para pelajar yang ingin memajukan diri sebagai usahawan dalam bidang industri teknologi. Aktiviti yang dijalankan dalam program-program ini adalah berbentuk taklimat serta dialog dan demonstrasi oleh pihak industri yang dijemput khas oleh CIC seperti Intel Technology, Solectron, Kulim Technology Park Corporation, Magna Instruments Sdn. Bhd, TQM Consultants Sdn. Bhd, Pentamaster Technology (M) Sdn, Bhd, Cement Industries of Malaysia (CIMA), Agilent Technology (Malaysia) Sdn, Bhd, Asian Composites Manufacturing Sdn, Bhd, Malaysia Smelting Corporation Berhad, Permintex Holdings Sdn. Bhd, SR Technology Sdn. Bhd, Global E-Technic Sdn. Bhd, Exsedia Sdn. Bhd dan beberapa penceramah daripada Aliya Technologies Sdn. Bhd, Technopreneurs Association of Malaysia dan Mixed Action Sdn. Bhd.

Untuk pengetahuan semua, program-program ini dirancang untuk melahirkan jurutera profesional yang terlatih, berpengalaman dan kompeten dalam bidang kejuruteraan dan pengurusan serta berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri. Oleh yang demikian, segala program yang



dijalankan adalah amat sesuai dan memenuhi kehendak pasaran kerja semasa kerana wujudnya kerjasama dengan pihak industri ini sekali gus dapat membantu KUKUM mendapatkan input yang terbaik bagi membantu menambahbaik proses pengajaran dan pembelajarannya. Di samping itu juga, program yang dijalankan dengan industri akan dapat memantapkan lagi prestasi akademik dan pengetahuan para pelajar berkenaan persekitaran industri yang sebenar. Dan ini akan memudahkan mereka menghadapi dunia sebenar di alam pekerjaan kelak.

**Pada pandangan PM Shuid apakah mutu perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan di CIC ini memenuhi kehendak setiap pengguna di KUKUM ini?**

**PM Shuid:** Alhamdulillah, setakat ini ianya amat memberangsangkan dan perlu dipertingkatkan lagi agar aktiviti-aktiviti di CIC ini dapat merangkumi seluruh warga KUKUM.

**Sepanjang penubuhannya, apakah usaha yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kecekapan bagi menjadikan CIC ini sebuah jabatan yang lebih cekap dan kompetitif pada masa akan datang?**

**PM Shuid:** Pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh CIC bagi meningkatkan lagi kecekapannya dalam usaha menjadikan CIC ini sebuah jabatan yang lebih cekap dan kompetitif pada masa akan datang di antaranya ialah dengan mewujudkan Pasukan INTEAM KUKUM yang terdiri daripada seorang pensyarah/PLV bagi setiap PPK sebagai wakil tetap di mana CIC akan mengadakan sesi perbincangan pada setiap hari Jumaat jam 3.00 petang bagi bersama-sama merancang, melaksana dan mengadakan sesi brainstorming bagi setiap program yang akan dianjurkan oleh CIC.

Selain daripada itu pihak CIC juga sentiasa berkomunikasi dengan pihak industri bagi mendapatkan maklum balas dan maklumat terkini. Dengan itu CIC dapatlah menyalurkan pendapat dan maklum balas yang relevan daripada pihak Pengurusan KUKUM bagi membantu merangka program pengajaran dan pembelajaran akademik yang terkini di KUKUM.

Bagi meningkatkan lagi kecekapan dan kompetitif CIC, pihak kami sentiasa mendapatkan maklum balas daripada pelajar. Pelajar merupakan stakeholder bagi CIC. Segala komen dan pandangan para pelajar boleh dijadikan panduan kepada CIC kerana kebanyakan program yang dianjurkan oleh CIC adalah melibatkan pelajar.

**Apakah pendekatan yang diambil oleh PM Shuid dalam usaha mengembleng semangat dan keupayaan staf-staf di CIC bagi memastikan bahawa setiap staf sentiasa kompeten dalam melaksanakan tugas?**

**PM Shuid:** Saya lebih menitik beratkan kerja secara berhemah dan ramah mesra dengan setiap staf tanpa mengira pangkat, jawatan dan sebagainya asalkan mereka memanfaatkan masa kerja itu dengan sebaiknya. Mengikut peraturan dan jadual yang telah ditetapkan agar masa yang ada tidak terbuang begitu saja. Biasanya pada setiap minggu saya akan berbincang dengan staf-staf yang ada untuk melihat apakah masalah yang mereka hadapi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan sama-sama mencari jalan bagi memperbaiki segala kelemahan yang ada. Ini sekali gus memudahkan saya untuk megawasi kerja yang dilakukan oleh staf di CIC agar tidak berlaku pembaziran masa dengan kerja-kerja yang tak sepatutnya dan ini secara tidak langsung juga dapat mengeratkan perhubungan sesama staf dan meningkatkan lagi prestasi kerja mereka. Di samping itu, saya amat menitik beratkan aspek softskill kepada semua staf saya. Ini kerana CIC sentiasa berhubung dengan pihak luar jadi dengan adanya aspek-aspek softskill sekurang-kurangnya dapat memudahkan urusan dengan pelajar dan juga pihak industri. Oleh itu saya sentiasa mengalakkan dan mengambil pendekatan menghantar staf-staf CIC bagi menghadiri seminar, bengkel atau kursus yang bersesuaian supaya boleh membantu meningkatkan kemahiran mereka.

**Apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh PM Shuid bagi membangunkan sebuah CIC ini ke arah yang lebih dinamik?**

**PM Shuid:** Antara kekangan yang dihadapi di CIC ini ialah kekurangan staf dan masa yang terhad bagi melaksanakan sesuatu program atau aktiviti. Di samping itu, kelengkapan pejabat yang serba kekurangan juga menjadi penghalang untuk CIC beroperasi dengan lebih baik dan lincin. Kami di CIC juga mengharapkan kerjasama daripada semua jabatan yang terdapat di KUKUM ini bagi

membantu meningkatkan dan melicinkan lagi urusan pentadbiran dan keupayaan CIC. Kerjasama oleh semua jabatan amat penting untuk membangunkan CIC ke arah yang lebih dinamik. CIC juga berusaha untuk mempromosikan KUKUM kepada pihak industri dan hasilnya kini kami mendapat respon yang baik daripada pihak industri dan banyak pihak-pihak industri yang telah mengenali KUKUM.

**Apakah harapan PM Shuid terhadap staf yang sedia ada di CIC ini?**

**PM Shuid:** Semua staf di CIC memang gigih bekerja tanpa mengira masa dan tenaga. Bekerja sehingga lewat petang dan juga di hari minggu adalah menjadi kebiasaan bagi staf di CIC. Saya berharap mereka semua dapat mengekalkan sikap sebegini untuk terus memajukan diri pada masa hadapan dan seterusnya membangunkan CIC menjadi sebuah jabatan yang terbaik dan lebih kompetitif.

